

# PINETARSOL BATH OIL

Light Liquid Paraffin/Pine Tar (89% w/w/2.3% w/w)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pinetarsol Bath Oil
2. Bagaimana Pinetarsol Bath Oil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pinetarsol Bath Oil
4. Cara menggunakan Pinetarsol Bath Oil
5. Semasa menggunakan Pinetarsol Bath Oil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pinetarsol Bath Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pinetarsol Bath Oil

- Untuk melegakan gatal-gatal yang teruk dan mengurangkan keradangan.
- Untuk melegakan gejala ekzema/ dermatitis (keradangan lapisan luar kulit), psoriasis (penyakit autoimun keradangan kulit) dan lain-lain keadaan kulit kering, gatal, radang atau mudah mengelupas.

## Bagaimana Pinetarsol Bath Oil berfungsi

- Pembersih pelembap anti-gatal.
- Tidak bergris, minyak boleh larut air untuk kulit kering, dengan *pine tar* untuk melegakan gatal-gatal yang teruk dan mengurangkan keradangan.
- Alternatif pengganti sabun kerana sabun boleh merengsakan kulit yang kering, rapuh dan radang.

## Sebelum menggunakan Pinetarsol Bath Oil

### - Bila tidak boleh menggunakan

Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.

### - Sebelum mula menggunakan

Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini.

### - Jika menggunakan ubat-ubat

#### lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan Pinetarsol Bath Oil

### - Berapa banyak harus digunakan

Tub Mandian: Tambah 15-30 mL\* untuk mandi suam (5 mL\* untuk besen bayi atau tangan).

\* *Satu tudung penuh mengandungi 5 mL.*

Pancuran: Sapukan sejumlah kecil pada kulit basah

### - Bila perlu digunakan

Mandi selama 5-10 minit sekali sehari, lebih kerap dalam kes-kes yang teruk.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat.

Kemudian, guna seperti biasa.

### - Jika menggunakan berlebihan

#### (terlebih dos)

Tiada maklumat yang berkenaan dengan penggunaan yang berlebihan pada manusia dilaporkan.

## Semasa menggunakan Pinetarsol Bath Oil

### - Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan daripada terkena mata. Untuk kegunaan luaran sahaja.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan telan.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika ada sebarang ketidakselesaan, hentikan penggunaan.

## Kesan-kesan sampingan

Tiada kesan sampingan yang dikenali untuk *pine tar* apabila digunakan topikal. Alahan kepada mana-mana bahan boleh menyebabkan kerengsaan kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Pinetarsol Bath Oil

### - Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Pinetarsol Bath Oil tidak patut dibuang dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan Pinetarsol Bath Oil yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Pinetarsol Bath Oil berwarna hijau tua dalam bentuk minyak sedikit likat. Ianya dalam botol 200 mL.

# **PINETARSOL BATH OIL**

Light Liquid Paraffin/Pine Tar (89% w/w/2.3% w/w)

---

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *liquid paraffin, pine tar.*
- Bahan tidak aktif: *solvent green 3, isopropyl myristate, fragrance baniadas CF, laureth-3.*

- Nombor MAL:

MAL19912398X

**Pengilang**

Ego Pharmaceuticals Pty. Ltd.  
21-31 Malcolm Road,  
Braeside, 3195  
Australia

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Ego Pharm Malaysia Sdn. Bhd.  
1-6 Block A, 72A Jln Universiti,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh Kemaskini RIMUP**

10/08/2017

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)090817/00200